

03/09/2001

Islam tidak mengajar ummah membenci

PERANGKAAAN Kementerian Pendidikan mendapati kira-kira 30 peratus murid sekolah rendah, sebahagian besarnya lelaki Melayu tidak meneruskan pengajian mereka ke sekolah menengah kerajaan. Mereka sebaliknya, kemungkinan besar berpindah ke sekolah agama swasta yang turut menyediakan kurikulum pendidikan kebangsaan dan pada masa sama mengajar mengenai Islam. Ada yang mendakwa perkara ini berbangkit kerana pengajaran agama Islam di sekolah rendah kebangsaan tidak menepati kurikulum yang disediakan. Ada ibu bapa bersungut pengajaran agama di sekolah rendah kebangsaan menyedihkan sekali. Dakwaan turut dibuat bahawa guru agama di sekolah kebangsaan tidak mengajar mengikut kurikulum disediakan. Berikutan itu, ibu bapa terpaksa menghantar anak mereka ke kelas agama tambahan bagi mendapatkan pendidikan agama lebih sempurna.

Anak-anak sepatutnya tidak perlu mengikuti kelas agama tambahan di sekolah agama, sekiranya pembelajaran agama yang sempurna boleh diberikan di sekolah kebangsaan. Keadaan itu menyebabkan ramai murid yang menamatkan darjah enam masih tidak mengenal tulisan jawi dan mengetahui asas agama. Ibu bapa yang tidak yakin dengan sistem pelajaran agama di sekolah kebangsaan serta bimbang anak mereka akan terus keciciran dalam bidang agama mengambil keputusan menghantar mereka ke sekolah menengah agama swasta.

Malangnya sama ada ibu bapa menyedari atau tidak, ada sekolah agama swasta sudah dijadikan tempat perjuangan politik kepartian. Sekolah itu dijadikan tempat menyemai bibit-bibit membenci kerajaan yang didakwa tidak mengikut peraturan Islam. Ini memberi gambaran seolah-olah ada perancangan pihak tertentu untuk mempengaruhi dan memesonkan pendirian murid sejak mereka di sekolah. Perkembangan ini juga timbul kerana ada mereka yang taksub dengan perjuangan politik tanpa memikirkan akibat buruk terhadap anak bangsa dengan memberikan pendidikan sempit.

Pembelajaran agama Islam sememangnya baik, tetapi yang apa yang dimusykilkan ialah pelajaran diselitkan dengan usaha untuk membenci pemerintah dengan tohmahan bahawa kerajaan sekarang tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar. Pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perkara itu, kelmarin, amat mendukacitakan. Pelajaran yang diberikan amat membimbangkan kerana usaha begini banyak mempengaruhi pelajar untuk membenci pihak berkuasa (authority).

Sekolah-sekolah itu tidak berpegang kepada ajaran agama sebenar. Mereka sebaliknya cuba memupuk pandangan sempit, hingga ada yang mengabaikan soal duniawi. Islam juga tidak menyarankan umatnya membenci atau berperasaan taksub. Islam juga tidak menanam semangat benci-membenci atau mengajar umatnya menjadi penjahat, penjenayah atau pemberontak. Islam sebenarnya mengajar umatnya supaya menerapkan nilai kebaikan bukan mengajar mereka ke arah keruntuhan.

Kini orang yang taksub dengan perjuangan sempit mereka, mengajar anak bahawa ilmu duniawi tidak penting. Pengajaran sedemikianlah disogokkan kepada umat Islam, khususnya orang Melayu dan jika ramai anak bangsa berfahaman demikian, maka orang Melayu akan bertambah mundur dalam pelbagai bidang dan terus terpinggir di bumi sendiri. Fahaman demikian bertentangan dengan ajaran Islam yang mahukan umatnya mengejar kedua-dua ilmu akhirat dan duniawi, termasuk sains, teknologi, matematik dan kejuruteraan. Hanya dengan menguasai semua bidang itu saja, umat Islam dapat mengembalikan kegemilangan tamadun Islam.

( END )